

Angkatan Keadilan Rakyat dibubar

BH 21 MAY 2001

KOTA KINABALU, Ahad - Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), parti komponen Barisan Nasional (BN) tertua di Sabah, hari ini secara rasmi dibubarkan dan ahlinya memohon menyertai Umno secara beramai-ramai.

Perisytiharan pembubaran diumumkan Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena perhimpunan khas parti itu di Hotel Magellan Sutera, di sini hari ini.

Berikutan pembubaran itu, BN Sabah kini hanya mempunyai lapan parti komponen, manakala anggota BN peringkat Pusat pula

berkurangan kepada 12 parti.

Sebelum Dr Mahathir mengumumkan perisytiharan pembubaran di hadapan lebih 2.000 ahli parti itu, Pre-

siden Akar, Datuk Pandikar Amin Mulia, berucap bagi menghuraikan sejarah kelahiran dan pahit maung sepanjang 12 tahun perjuangan Akar serta sebab keputusan itu diambil.

Dr Mahathir pula ketika mengisytiharkan pembubaran parti itu pada akhir ucapannya berkata: "Dengan harapan bahawa pem-

bubaran Akar akan menjadikan Umno lebih kuat dan menyumbang kepada Barisan Nasional di

Sabah, saya dengan terharu dan sedih merasmikan pembubaran Akar di Sabah ini."

Beliau kemudian menekan satu punat di pentas utama untuk menyempurnakan majlis itu dan sejurus kemudian tertera perisytiharan pada satu layar besar yang berbunyi: "Saya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN dan juga Presiden Umno dengan ini mengisytiharkan pem-

bubaran parti Akar dan seterusnya mengumumkan kemasukan ahli Akar ke dalam parti Umno."

Suasana menjadi pilu ketika pengacara majlis membacakan puisi mengisahkan perjuangan Akar dan Pandikar Amin yang duduk bersebelahan Dr Mahathir di atas pentas bersama beberapa pemimpin BN. kelihatan meningesat air mata beberapa kali.

Selepas itu, Pandikar Amin menyerahkan borang permohonan ahli Majlis Tertinggi Akar untuk menyertai Umno kepada Dr

Reaksi pembubaran Akar - Muka 6

LIHAT MUKA 6

'Satu peristiwa sedih'

DARI MUKA 1

Mahathir, diikuti Perdana Menteri menyematkan lencana Umno kepada Pandikar Amin.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi BN Sabah, Datuk Chong Kah Kiat; Setiausaha BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakub.

Akar ditubuhkan pada 16 September 1989 oleh sekumpulan 10 pemimpin utama Parti Bersatu Sabah (PBS) yang memerintah Sabah ketika itu, sekali gus memohon menyertai BN.

Dalam ucapannya selama kira-kira sejam, Dr Mahathir menyifatkan pembubaran Akar sebagai satu peristiwa sedih, walaupun ia dibuat secara sukarela.

Beliau berkata, bagi ahli Akar, sudah tentu ada yang berasa sedih dengan keputusan itu kerana riwayat parti akan ditamatkan.

Katanya, sebahagian besar ahli Akar akan menjadi ahli Umno, walaupun mereka mempunyai pilihan untuk menyertai parti komponen BN lain.

"Bagi Akar (pembubaran) ini adalah satu kehilangan... bagi Umno ini adalah satu kebaikan kerana Umno akan menjadi lebih besar," katanya disambut tepukan hahirin.

Perdana Menteri turut meminta Umno Sabah supaya menerima kemasukan ahli Akar ke dalam parti itu dan memberi layanan yang sama rata kepada mereka.

"Apabila kita menyertai sesuatu parti, kita ada hak sama. Saya minta Umno menerima mereka dengan tangan terbuka dan anggap mereka ahli Umno dan bukannya ahli Umno bekas Akar. Soal Akar tidak lagi timbul," katanya.

"Kadang-kadang kita dapati ada orang Umno tidak senang hati apabila ahli parti lain menyertainya, misalnya ketika parti Semangat 46 dibubarkan dulu dan ahlinya menyertai Umno, mereka menganggap bekas ahli S46 ini sebagai bekas musuh," katanya.